

# Qalam

Bilangan 63    Safar 1375=Oktober 1955    60 sen

## Tegahan Berpolitik di Masjid

Di bawah tajuk tersebut, dalam keluaran Qalam bilangan 61 kita telah menulis berkenaan suatu keputusan daripada kerajaan Perak menegah masjid-masjid di seluruh negeri Perak dijadikan tempat syarahan politik.

Menurut berita-berita yang disampaikan kepada pengetahuan kita, bahawa keputusan ini dikatakan telah diambil oleh Majlis Mesyuarat Negeri Perak dengan permintaan daripada majlis agama Islam Perak sendiri- tidak daripada orang-orang yang di luar daripada majlis itu- jelasnya bahawa rang undang-undang tegahan itu didatangkan kepada majlis itu dengan kehendak dan kemahuan Majlis Agama Islam Perak yang ahli-ahlinya terdiri daripada orang-orang Islam, setengah-setengahnya tentunya ulama-ulama yang diharap oleh umat Islam boleh menjaga, mengawal dan mempertahankan taraf Islam di negeri Perak.

Menurut apa yang disampaikan kepada kita, bahawa tatkala perkara itu dibawa ke dalam majlis mesyuarat negeri maka bukannya sahaja orang-orang Islam yang mengundi tetapi juga orang-orang yang bukan Islam. Padahal sepatutnya tatkala diadakan undi di dalam perkara-perkara yang mengenai khususnya orang-orang Islam orang-orang-orang yang bukan Islam itu mestilah melihat kepada perkara tegahan itu terbitnya daripada Majlis Agama Islam Perak maka yang demikian ini adalah

menjadi seperkara yang menunjukkan bahawa rupanya ahli-ahli Majlis Agama Islam di Perak itu, bolehlah dipandang tidak mempunyai kelayakan dan tidak mempunyai tanggungjawab kepada agamanya dan umat yang mengikutnya padahal, sebagaimana kita bentangkan di dalam keluaran Qalam dahulu- hanya orang Barat sahaja yang membezakan di antara Islam dengan pemerintahan dan siyasah pada hal hakikat Islam adalah sebaliknya, tidak boleh dipisahkan.

Kita berkeyakinan bahawa hal yang serupa ini tidak akan didiamkan oleh umat Islam di Perak- umat Islam wajib memerhati dengan tegasnya dan ura-ura hendak mengadakan bantahan dengan cara besar-besaran itu sudah pada tempatnya dan mustahak diadakan dengan seberapa segera supaya pihak pemerintah tahu bahawa ahli-ahli Majlis Agama Islam Perak itu adalah suatu majlis yang tidak bertanggungjawab kepada umat Islam.

\* \* \*

## Jubli Intan Sultan Johor

Pada 17 September yang lalu genaplah usia Sultan Johor 82 tahun dan genap pula masa baginda memerintah selama 60 tahun iaitu suatu tarikh yang lanjut bagi seseorang raja memerintah. Hari yang berbahagia itu disambut dengan suatu sambutan yang besar diseluruh daerah jajahan Johor dengan berbagai-bagai cara dan tidak pula dilupakan dengan doa kesyukuran dan memohon dilanjutkan lagi usia baginda.

Tarikh yang tersebut adalah suatu tarikh yang sangat berbahagia dan melihat kepada keadaan-keadaan dan kecenderungan baginda menggalakkan hal-hal yang mengenai agama maka sudah pada tempatnya sekiranya hari yang berbahagia itu diadakan suatu tawarikh yang berkesan kepada umat Islam rakyat Johor.

Sebagaimana pernah kita tulis di dalam majalah ini dalam masa sambutan hari jadi baginda dahulu maka